

04/02/1998

Presiden Bank Dunia temui Mahathir

KUALA LUMPUR, Selasa - Presiden Bank Dunia James Wolfensohn menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini bagi membincangkan kesan krisis kewangan terhadap Malaysia.

Beliau yang diiringi oleh Penasihat Ekonomi Negara, Tun Daim Zainuddin tiba di Jabatan Perdana Menteri pada jam 11 pagi dan mengadakan pertemuan kira-kira setengah jam dengan Dr Mahathir.

Wolfensohn tiba semalam sebagai sebahagian daripada kunjungannya ke enam negara Asia bagi menilai kesan krisis itu di rantau ini dan bagi menawarkan sokongan untuk reformasi kewangan, sosial dan pembangunan.

Beliau telah melawat Singapura serta Thailand dan akan ke Indonesia, Filipina dan Korea Selatan.

Ketika di Singapura, Wolfensohn berkata program Malaysia untuk mengatasi masalah kewangan dan ekonomi terbukti berkesan dan yakin negara ini berupaya menangani krisis itu.

(END)